


# PATRIOTISME TIDAK DIBANGUNKAN ATAS PRINSIP KEBEBASAN MEMILIH DAN PERSAMAAN SEJAGAT

JIKA PRINSIP PERSAMAAN DIJADIKAN PENENTU KEADILAN SESEBUAH NEGARA, MAKA TIDAK ADA NEGARA DI DUNIA INI YANG ADIL SEBELUM ABAD-ABAD BELAKANGAN INI. HAL INI DIKATAKAN DEMIKIAN KERANA SISTEM PERHAMBAAAN MENJADI AMALAN DALAM SEMUA SISTEM PEMERINTAHAN, BAIK DI DUNIA BARAT, ISLAM MAHUPUN TAMADUN TIMUR YANG LAIN. MALAH, PADA ZAMAN KEGEMILANGAN PEMIKIR GREEK LEBIH 2000 TAHUN YANG LALU, SISTEM PERHAMBAAAN DIKTIRAF SEBAGAI SATU SISTEM YANG DAPAT MENENTUKAN AMALAN KEADILAN SESEBUAH NEGARA.



Aristotle umpamanya, membahagikan golongan hamba kepada dua kelompok, pertamanya kelompok hamba yang wujud apabila pihak musuh ditangkap sebagai tawanan perang. Kelompok kedua pula adalah hamba yang sememangnya mempunyai fitrah serba rendah, bukan sahaja kerana status sosialnya, tetapi juga rendah dari segi intelektual yang menyebabkan kelemahan dalam pelbagai sisi kehidupan. Bagi memastikan kebajikan kumpulan hamba yang kedua ini terbela, menurut Aristotle, tentulah negara perlu melayani kumpulan ini secara berbeza bagi memastikan kebajikan dan keperluan mereka dapat diagihkan secara saksama.



Gambaran Aristotle.

Kemuncak daripada tamadun falsafah Barat, khususnya gerakan liberalisme, sistem perhambaan secara beransur-ansur dihapuskan. Banyak ahli falsafah Barat, terutamanya Immanuel Kant, mengemukakan hujah-hujah yang menunjukkan bahawa manusia itu perlu diberikan kebebasan untuk memilih dan semua manusia perlu dilayani secara sama. Prinsip ini perlulah dipatuhi oleh seluruh penduduk dunia tanpa mengira agama, etnik, gender dan status sosialnya, serta kewarganegaraannya.

Pada zaman awal gerakan liberalisme, iaitu pada abad ke-17 dan ke-18, sungguhpun prinsip kebebasan memilih dan persamaan sejagat mula disebar, prinsip berkenaan hanyalah terpakai kepada kelas atasan yang kadangkala disebut juga sebagai kelas *bourgeois* atau bangsawan. Pada zaman awal pengiktirafan hak individu dan persamaan serta kebebasan itu, bukan sahaja ramai manusia yang masih terus menjadi hamba, bahkan wanita juga tidak mendapat

pengiktirafan hak yang sama sebagaimana hak kebebasan memilih dan persamaan yang diiktiraf bagi golongan *bourgeois* dan bangsawan itu.

Persamaan hak pada masa itu bermaksud persamaan golongan elit berkulit putih golongan kelas atasan dengan golongan pendiri gereja dan pihak istana. Golongan elit kulit putih pada ketika itu mendakwa mereka telah bertungkus lumus dan bekerja keras untuk meningkatkan status sosialnya secara mengumpul harta, maka mereka juga perlu dilayani secara sama dengan kelas agama dan pihak istana berkenaan.

Walaupun umum mengetahui bahawa yang bekerja keras pada ketika itu adalah golongan hamba, namun mereka tidak diberikan pengiktirafan yang sama malah difahami sebagai komoditi yang layak untuk dijual beli tertakluk kepada daya produktiviti hamba itu. Sebagaimana yang dinyatakan tadi, berdasarkan prinsip kebebasan memilih dan persamaan sejagat yang dikemukakan oleh Immanuel Kant, semua manusia itu mesti dilayani secara sama tanpa mengira sebarang faktor kebetulan kelahirannya (*accident of birth*) seperti etnik, gender, kelas sosial dan warganegara.

Prinsip ini meskipun amat menarik dan nyaman untuk didengar, tetapi jika dihalusi amat tidak realistik untuk dilaksanakan, terutamanya dalam membangunkan gagasan patriotisme atau kecintaan kepada negara. Manusia secara fitrahnya akan bertindak mengikut identiti sosial masing-masing, bukannya mengikut prinsip hak kebebasan memilih dan persamaan sejagat. Perhatikan kes hipotetikal yang berikut;



Apabila seseorang itu dilahirkan dalam negara itu dan selagi manusia itu adalah warganegara kepada negara itu, maka kesetiaannya atau patriotismenya mestilah terhadap negara itu. Adalah amat tidak bermoral atas prinsip kebebasan memilih dan persamaan sejagat, seseorang itu berhujah, "Aku tidak memilih untuk dilahirkan di negara ini, maka tiada siapa yang berhak untuk meniadakan hak aku untuk tidak mahu mencintai negara ini."

"Sekiranya ada dua orang tua yang sedang sakit dan sama-sama memerlukan darah daripada penderma, dan anda adalah pendermanya, jika salah seorang daripada orang tua itu adalah ibu anda dan seorang lagi ibu orang lain yang tidak anda kenali, apakah keputusan yang betul yang mesti anda buat sekiranya anda boleh menentukan siapakah yang sepatutnya menerima darah yang anda dermakan itu? Adakah bagi memastikan keadilan berasaskan prinsip persamaan sejagat, anda akan terlebih dahulu melambung syiling untuk memilih atau berfikir secara objektif dengan membuat 'cost-benefit analysis' untuk menentukan siapakah yang patut menerima darah yang akan anda derma itu?"

Sebenarnya, bukan sahaja dari segi fitrah tetapi dari segi moralnya juga anda dihormati sekiranya membuat keputusan untuk mendermakan darah berkenaan kepada ibu anda sendiri, kerana itulah sebenarnya keputusan yang betul dan bermaruah. Kehidupan bernegara dapat dianalogikan dengan kehidupan berkeluarga. Sekiranya ada dua orang yang memerlukan kemudahan hospital secara percuma, seorang adalah warganegara dan seorang lagi adalah bukan warganegara. Sebagai pembuat polisi kesihatan, bukan sahaja dari segi fitrah tetapi dari segi moralnya amat tidak betul sekiranya anda membuat polisi

dengan memberi keutamaan kepada bukan warganegara atau melambung syiling bagi memastikan keadilan berasaskan prinsip persamaan sejagat.

Kedua-dua contoh di atas, iaitu pertimbangan moral dalam keluarga dan perkiraan moral dalam negara, menunjukkan bahawa idea kebebasan memilih dan persamaan sejagat di sebalik gerakan liberalisme sebagaimana yang dikemukakan oleh Immanuel Kant jika diperhalusi amatlah tidak realistik dan utopia. Respons terhadap idea liberal yang tidak realistik dan utopia ini sememangnya banyak diberikan oleh ahli falsafah pada masa ini, misalnya Alasdair MacIntyre dalam karyanya *After Virtue* dan Michael Sandel dalam bukunya yang amat mudah dibaca itu, iaitu *Justice: What's the Right Thing to Do?*

Menurut kedua-dua ahli falsafah ini, tidak ada manusia pun di atas muka bumi ini yang lahir tanpa identiti sosial. Apabila seseorang bayi itu lahir, tentulah lahir dalam keluarga tertentu, dengan jantina tertentu, status sosial tertentu serta komuniti dan negara tertentu. Manusia sebenarnya tidak mempunyai kebebasan memilih untuk lahir di negara yang mereka suka atau lahir dalam keluarga yang mereka pilih ataupun apakah jantina yang mereka suka. Kesemuanya ditentukan oleh faktor

kebetulan kelahiran yang disentuh sebelum ini atau dalam agama disebut "takdir Tuhan".

Manusia itu sememangnya ada yang kebetulan dilahirkan di Amerika Syarikat atau di Malaysia, kebetulannya dilahirkan berkulit hitam Melayu atau Cina, kebetulannya dilahirkan sebagai lelaki atau perempuan, kebetulannya dilahirkan dalam keluarga miskin atau kaya, yang kesemuanya itu menunjukkan tiada ruang kebebasan untuk memilih. Apabila seseorang itu dilahirkan dalam sesebuah negara itu dan selagi manusia itu adalah warganegara kepada negara itu, maka kesetiaannya atau patriotismenya mestilah terhadap negara itu. Adalah amat tidak bermoral atas prinsip kebebasan memilih dan persamaan sejagat, seseorang itu berhujah, "Aku tidak memilih untuk dilahirkan di negara ini, maka tiada siapa yang berhak untuk meniadakan hak aku untuk tidak mahu mencintai negara ini."

Lebih bermoral bagi individu seperti ini untuk berhijrah ke negara lain dan menjadi tanggungjawabnya pula untuk mencurahkan kesetiaannya kepada negara yang dipilihnya untuk berhijrah itu. Pandangan golongan liberal seperti Immanuel Kant itu bukanlah tidak terpakai langsung. Manusia sememangnya boleh memilih, tetapi setiap satu pilihannya itu tertakluk oleh faktor kebetulan kelahiran

yang dinyatakan tadi. Dalam hal ini, selagi kita adalah warganegara tertentu atau ahli keluarga tertentu, adalah bermoral dan menepati fitrah kejadian kita sekiranya kesetiaan kita dicurahkan kepada negara atau keluarga itu.

Adakah ini bermaksud kita tidak boleh tidak bersetuju dan membantah keputusan negara atau keluarga kita? Jawapan mudahnya adalah tentu sahaja boleh. Ada perbezaannya antara penentangan yang berasaskan prinsip hak memilih dan persamaan sejagat dengan penentangan berasaskan prinsip melahirkan kehidupan yang baik. Bagi menjawab soalan-soalan seperti ini, idea pemikir Greek seperti Aristotle amat relevan untuk dirujuk.

Menurut pemikir ini, manusia itu semula jadinya atau secara fitrahnya sememangnya mempunyai hierarki atau tidak sama. Sebagai contohnya, individu itu kebetulannya dilahirkan

sebagai hamba atau dilahirkan dengan intelektual yang rendah dan ada dilahirkan kaya atau miskin. Oleh sebab manusia itu semula jadinya tidak sama, maka melayani manusia secara sama bukan sahaja tidak adil, tetapi tidak bermoral bagi melahirkan kehidupan kolektif yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana kebajikan dan kehidupan mereka yang dilahirkan dengan serba kekurangan akan tersisih dan diabaikan apabila semua manusia dilayani secara sama.

Secara lazimnya, apabila semua dilayani secara sama, misalnya mengikut merit, maka mereka yang kuat, pandai, kaya, dan tinggi status sosialnya dapat lebih dahulu menyapu sumber kekayaan yang terdapat dalam masyarakat. Justeru, layanan yang tidak sama dengan sistem yang tertentu, seperti sistem kuota atau dasar *affirmative action* adalah dasar yang lebih adil daripada polisi

berasaskan persamaan sejagat bagi memastikan kehidupan yang baik.

Pada satu garis rentang yang di hujung kiri adalah menghormati kebebasan individu dan persamaan sejagat, dan di sebelah hujung kanan memberi keutamaan kepada pentingnya kehidupan yang baik, seorang pemimpin negara atau sesiapa sekalipun sepatutnya dapat berfikir dengan waras dalam memahami bahawa keadilan itu haruslah berasaskan kepada matlamat kehidupan yang baik. Hal inilah yang sebenarnya dihujahkan oleh Aristotle apabila beliau menyebut tentang keadilan sebenar adalah keadilan yang berasaskan *telos*, iaitu matlamat kehidupan yang baik.

Pemimpin yang patriotik sebenarnya bukan pemimpin yang memikirkkan untuk mengutamakan kebebasan individu memilih dan persamaan sejagat. Sebaliknya, pemimpin yang patriotik adalah pemimpin yang meniuapkan semangat patriotisme bagi mencapai

Sebenarnya, patriotisme ini hanya mengambil aspek *logos* perlembagaan sesebuah negara dan menidakkan aspek *ethos*. *Logos* adalah aspek fasa yang termaktub dalam perlembagaan. *Ethos* pula adalah aspek sejarah tradisi dan budaya yang hidup dalam semangat perlembagaan itu. Gagasan patriotisme perlembagaan ini dibangunkan oleh ahli falsafah kelahiran Jerman yang terkemuka, iaitu Jürgen Habermas. Beliau mempunyai pengalaman ngeri menjadi tentera kanak-kanak Parti Nazi di bawah kuasa Adolf Hitler ketika berusia 10 tahun. Sejarah pengalamannya itu menyebabkan beliau fobia dengan *ethos* bangsa Jerman.



Jürgen Habermas.

kehidupan kolektif yang baik untuk warganegaraanya. Patriotisme tidak dapat dibangunkan berdasarkan prinsip kebebasan individu dan persamaan sejagat walaupun belakangan ini muncul kumpulan yang mendakwa diri mereka patriotik di negara tertentu, termasuk juga di negara kita, yang melaungkan hak individu dan kebebasan dengan slogan patriotisme berperlembagaan.

Sebenarnya, patriotisme ini hanya mengambil aspek *logos* perlembagaan sesebuah negara dan meniadakan aspek *ethos*. *Logos* adalah aspek fasa yang termaktub dalam perlembagaan. *Ethos* pula adalah aspek sejarah tradisi dan budaya yang hidup dalam semangat perlembagaan itu. Gagasan patriotisme perlembagaan ini dibangunkan oleh ahli falsafah kelahiran Jerman yang terkemuka, iaitu Jürgen Habermas. Beliau mempunyai pengalaman ngeri menjadi tentera kanak-kanak Parti Nazi di bawah kuasa Adolf Hitler ketika berusia 10 tahun. Sejarah pengalamannya itu menyebabkan beliau fobia dengan *ethos* bangsa Jerman.

Oleh sebab itu, bagi Jürgen Habermas, sekiranya patriotisme itu hendak dibangunkan, ianya haruslah berasaskan kepada prinsip persamaan sejagat dengan fasal



Adolf Hitler, Ketua Parti Nazi di Jerman.

perlembagaan sesebuah negara itu mestilah dibahaskan di ruang awam. Tujuannya adalah untuk membolehkan setiap warganegara diberikan hak dan kebebasan membahaskan kerasionalan setiap fasal perlembagaan berkenaan. Bagi Jürgen Habermas dan pengikutnya, biarlah ruang awam melalui dialog yang menentukan tunjang dan tunggak patriotisme sesebuah negara.

Patriotisme berasaskan kebebasan individu dan persamaan sejagat ini sebenarnya adalah kesetiaan kepada ruang awam, bukannya kesetiaan kepada negara. Kesetiaan seumpama ini tidak menghormati aspek *ethos*, iaitu sejarah tradisi dan budaya negara itu. Dalam negara monarki seperti Malaysia dengan institusi raja adalah bahagian penting sejarah, tradisi dan budaya negara ini, patriotisme itu haruslah diertikan sebagai patriotisme raja berperlembagaan, tidak setakat patriotisme berperlembagaan sahaja, apatah lagi patriotisme ruang awam semata-mata.

Sepanjang perbincangan dalam makalah ini, dapat disimpulkan secara tegas bahawa patriotisme tidak dapat dibangunkan berasaskan prinsip kebebasan memilih dan persamaan sejagat. Hakikat seseorang itu menjadi warganegara kepada negaranya mewajibkan individu itu menjadi bertanggungjawab, bukannya memilih untuk setia atau tidak kepada negaranya. Utopia mewujudkan warganegara sedunia dengan semua manusia perlu diberikan kebebasan hak memilih dan mendapat layanan secara sama hanya distopia apabila semakin banyak negara tidak berpuas hati dengan gagasan persamaan sejagat sehingga menjadi radikal memperjuangkan hak kaumnya sebagai etnik dominan dalam negara berkenaan. Kes Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Donald Trump dan India di bawah pentadbiran Narendra Modi adalah manifestasi distopia itu. Sebagai warga yang waras, amat penting bagi kita mencari titik temu antara perjuangan hak individu untuk bebas memilih cara hidupnya dengan berhati-hati bagi memastikan matlamat kehidupan yang baik secara kolektif berjaya dicapai dengan jayanya. **DB**



Donald Trump.